

Meningkatkan Kemahiran Membaca Pelajar Melalui Pembacaan Skrip

Siti Fatimah Muhammad

siti_fatimah_muhammad@schools.gov.sg

Sekolah Menengah Mayflower

Abstrak

Kemahiran membaca merupakan salah satu kemahiran utama dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Kemahiran ini perlu diasah dan ditambah nilai pada setiap peringkat pembelajaran. Kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanannya kaedah pembacaan skrip dalam meningkatkan kemahiran membaca para pelajar di samping menilai keberkesanannya pelaksanaan pembelajaran alternatif. Beberapa kaedah pengajaran yang melibatkan pengajaran teradun telah dilaksanakan untuk memastikan pembelajaran akan terus berlangsung semasa para pelajar terpaksa menjalani pemutus rangkaian jangkitan COVID-19. Dapatkan kajian dan maklum balas yang didapati daripada para pelajar dan guru-guru menunjukkan respons yang positif dan terdapatnya peningkatan dari segi kemahiran membaca dan juga beberapa manfaat lain.

Kata Kunci: pembelajaran teradun, pembacaan skrip, kemahiran membaca, respons positif

PENGENALAN

Berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Peringkat Sekolah Menengah 2011, salah satu objektif penilaian dan hasil pembelajaran adalah “membaca pelbagai jenis teks dengan jelas dan betul bagi tujuan pemahaman dan penghayatan dan memberikan respons yang sesuai berdasarkan tujuan, situasi dan khalayak”.

Aktiviti bacaan yang dijalankan di dalam kelas selalunya berupa bacaan teks yang telah diberikan oleh guru beramai-ramai atau secara senyap. Ini menyebabkan aktiviti bacaan tidak dihayati sepenuhnya dan ini juga menyebabkan para pelajar kurang memahami kandungannya, lantas tidak memprosesnya secara kritikal. Ini menjadikan membaca satu aktiviti yang membosankan dan tidak berupaya menarik minat mereka untuk mengetahui dengan lebih mendalam cerita yang disampaikan atau isu-isu yang diketengahkan dalam teks mahupun menghayati teks yang dibaca.

PERNYATAAN MASALAH

Menjalankan aktiviti lakonan di dalam kelas sememangnya merupakan satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menyeronokkan dan digemari pelajar. Namun, apabila pandemik COVID-19 melanda, segala perancangan yang dibuat sepanjang tahun terpaksa dirombak. Apabila sekolah ditutup, ini bermakna guru harus memikirkan cara lain bagaimana aktiviti lakonan yang ingin dijalankan masih boleh berlangsung walaupun pelajar berada di rumah masing-masing.

Idea tercetus apabila sebuah syarikat teater yang menghentikan operasi disebabkan pemutus rantaian jangkitan telah mempersembahkan monolog di saluran YouTube dan menjual tiket untuk acara pembacaan skrip dalam talian. Aktiviti pembacaan skrip yang dijalankan ini tidak menjejas sama sekali intipati drama yang disampaikan kerana para pelakon telah berjaya menghidupkan watak dengan penuh emosi dan penghayatan melalui lakonan mereka. Idea ini mula tercetus untuk menggantikan aktiviti lakonan yang telah dirancang di dalam kelas kepada aktiviti pembacaan skrip dalam talian. Melalui aktiviti



pembacaan skrip ini, guru ingin mengkaji sama ada para pelajar juga dapat meningkatkan kemahiran membaca mereka. Kajian ini juga ingin mengenal pasti sama ada pembelajaran teradun (*blended learning*) yang juga berlangsung dapat menambah nilai kepada aspek PdP khususnya dalam aspek bacaan.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. menilai keberkesanan pembacaan skrip dalam meningkatkan kemahiran membaca para pelajar; dan
2. meninjau keberkesanan pelaksanaan pembelajaran teradun dalam pengajaran dan pembelajaran membaca.

KAJIAN LEPAS

Kinniburgh, Leah, & Shaw Jr, Edward, (2007) mendefinisikan *Readers' Theatre* atau Teater Pembaca sebagai satu strategi bacaan yang digunakan untuk meningkatkan kelancaran dalam bacaan. Strategi ini selalunya diajar dengan menggunakan teks naratif yang mengandungi banyak dialog.

Benjamin & Schwanenflugel, (2010), Deane, Campbell, Grigg, Goodman & Oranje, (2005); Miller & Schwanenflugel, (2006); Raniski, Rikli & Johnson, (2009) berpendapat melalui *Readers' Theatre*, adanya hubung kait yang kuat antara komponen bacaan yang lancar dengan pemahaman dalam pembacaan. Goodman (1964) juga telah menentukan bahawa pelajar yang membaca secara lantang dengan ekspresi yang sesuai menunjukkan peningkatan dari segi pemahaman teks. Oczkus & Rasinki, (2010) pula mengatakan bahawa *Readers' Theatre* menyediakan peluang bagi pelajar untuk melibatkan diri dalam beberapa sesi bacaan bagi sesebuah teks sambil mendengar bacaan daripada pembaca lain yang setanding atau mempunyai bacaan yang lebih baik.

Keehn, Susan; Harmon, Janis & Shoho, Alan (2008) mendapati bahawa melalui kajian kuantitatif yang dijalankan, pelajar yang menjalani *Readers'*

Theatre menunjukkan peningkatan yang signifikan dari segi kemahiran membaca terutama sekali bagi aspek kelancaran. Malah golongan pelajar ini juga menunjukkan peningkatan dari segi kemahiran lisan dan juga penguasaan kosa kata mereka.

Konsep *Readers' Theatre* inilah yang telah membentuk kerangka teori untuk menjalankan kajian ini. Namun, apa yang menjadikan kajian ini berbeza ialah ia digabungkan dengan pembelajaran berdasarkan ICT, iaitu bacaan dalam talian dan tidak dipentaskan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan dalam beberapa sesi dan melibatkan penggunaan beberapa wahana ICT. Sesi pertama, aktiviti pembacaan skrip ini telah dijalankan dalam talian melalui aplikasi *Google Meet*. Selain itu, aplikasi *Padlet* digunakan untuk mengumpulkan idea para pelajar dan menggalakkan pembelajaran secara kolaboratif. Untuk mendapatkan maklum balas pelajar tentang aktiviti yang dijalankan, guru telah menggunakan aplikasi *Google Form* yang juga akan digunakan sebagai analisis kualitatif bagi kajian ini.

Subjek Kajian

Subjek kajian merupakan 8 orang pelajar yang merupakan gabungan empat orang pelajar dari kelas Menengah 3 Ekspres dan 4 orang pelajar dari kelas Menengah 3 Normal Akademik (NA) yang berada dalam kumpulan *Subject-Based Banding* (SBB). Kelapan-lapan orang pelajar ini telah digabungkan dalam satu kelas Bahasa Melayu. Pelajar ini terdiri daripada praaras kebolehan, pada aras kebolehan dan melebihi aras kebolehan. Subjek kajian rata-ratanya boleh membaca dengan lancar namun bacaan mereka selalunya mendatar dan kurang intonasi.

Instrumen Kajian

Antara instrumen kajian yang penting dalam aktiviti pembacaan skrip ini ialah dua buah skrip bertajuk ‘Buta’ dan ‘Kalau Aku Kaya’ yang dihasilkan oleh Siti



Fatimah Muhammad. Drama bertajuk ‘Buta’ memaparkan pelajar daripada dua status sosio ekonomi yang berbeza yang juga merupakan rakan sekelas manakala drama bertajuk ‘Kalau Aku Kaya’ pula mengisahkan sekumpulan remaja dan belia yang bekerja sambilan di *Starbucks* untuk menyara hidup atau mencari duit belanja dan setiap seorang mempunyai impian dan cita-cita yang berbeza. Kedua-dua skrip ini ditulis khusus untuk memastikan kesemua pelajar mendapat bahagian bacaan skrip yang sama rata. Setiap watak sama ada watak utama atau watak sampingan mendapat peluang untuk membaca skrip dengan mendalam supaya penilaian lebih adil dan saksama bagi semua pelajar.

Skrip drama ini berlatarbelakangkan pergolakan hidup remaja yang tinggal di Singapura. Ini bertujuan untuk memudahkan pelajar memahami teks dan menghubungkan drama itu dengan kehidupan serta pengalaman sedia ada mereka.

Untuk sesi pertama pelajaran, guru menggunakan kriteria kejayaan atau *Success Criteria* yang mudah sahaja yang mana penilaian hanya berupa jumlah bintang bagi tahap pencapaian yang berbeza. Empat bintang menandakan pencapaian yang cemerlang dan satu bintang pula bagi menandakan pencapaian yang lemah. Berikut (Jadual 1) ialah kriteria kejayaan yang digunakan untuk menilai pencapaian pelajar dalam aktiviti pembacaan skrip pada sesi pertama.

Jadual 1: Kriteria Kejayaan

Penilaian Bacaan Skrip	
★★★★★	Berupaya membaca skrip dengan penuh penghayatan serta emosi dan menggayaikan watak dengan sangat meyakinkan.
★★★★	Berupaya membaca skrip dengan penghayatan serta emosi dan menggayaikan watak dengan meyakinkan.
★★★	Ada usaha untuk membaca skrip dengan sedikit penghayatan serta emosi dan cuba menggayaikan watak.
★★	Membaca skrip tanpa penghayatan serta emosi dan tidak berusaha untuk menggayaikan watak.

Setelah menjalani sesi pelajaran yang pertama, guru mendapati bahawa kriteria kejayaan yang disediakan adalah terlalu ringkas dan tidak memberikan panduan yang jelas kepada para pelajar. Maka itu, pada sesi kedua, kriteria kejayaan ini telah dikemas kini dan diperluaskan lagi supaya pelajar boleh menilai diri sendiri dan juga menilai rakan-rakan yang lain dengan lebih jelas dan efektif. Berikut merupakan kriteria kejayaan yang telah dikemas kini:

Jadual 2. Kriteria Kejayaan Yang Dikemas Kini

Penilaian Bacaan Skrip				
★★★★★	<ul style="list-style-type: none"> - Sebutan perkataan dan lantunan suara yang sungguh jelas. - Intonasi yang sungguh baik, sangat sejajar dengan perasaan yang ingin digambarkan. - Ekspresi muka yang sangat bersesuaian sehingga berjaya menggayaikan watak dengan sangat meyakinkan. - Berupaya membaca skrip dengan penuh penghayatan serta emosi dan memberikan kesan yang sangat mendalam kepada penonton. 			
★★★★	<ul style="list-style-type: none"> -Sebutan perkataan dan lantunan suara yang jelas. -Intonasi yang baik, sejajar dengan perasaan yang ingin digambarkan. -Ekspresi muka yang bersesuaian sehingga menggayaikan watak dengan meyakinkan. -Berupaya membaca skrip dengan penghayatan serta emosi dan menggayaikan watak dengan meyakinkan. 			
★★★	<ul style="list-style-type: none"> -Sebutan perkataan dan lantunan suara yang agak jelas. -Intonasi yang agak baik, hampir sejajar dengan perasaan yang ingin digambarkan. -Ekspresi muka yang agak bersesuaian dengan penggayaan watak. -Ada usaha untuk membaca skrip dengan sedikit penghayatan serta emosi dan cuba menggayaikan watak. 			
★★	<ul style="list-style-type: none"> -Sebutan perkataan dan lantunan suara yang tidak jelas. -Tiada intonasi dan bacaan yang mendatar tidak berjaya menggayaikan watak. -Ekspresi muka tidak disesuaikan dengan penggayaan watak. -Membaca skrip tanpa penghayatan serta emosi dan tidak berusaha untuk menggayaikan watak. 			
Penilaian Diri	Sebutan dan lantunan suara	Intonasi	Ekspresi muka	Penjiawaan watak
1.				
Penilaian rakan				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				
7.				
8.				
9.				
10.				



Kriteria kejayaan ini juga disertakan ruang untuk para pelajar mengisikan penilaian untuk bacaan masing-masing dan bacaan rakan-rakan sekelas. Selain memberikan kriteria kejayaan kepada para pelajar, guru juga telah menyediakan *Google Form* untuk mendapatkan maklum balas daripada para pelajar berkenaan pembelajaran yang dilalui seperti yang terdapat dalam Jadual 3 ini.

Jadual 3. Borang Maklum Balas Pelajar

Borang Maklum Balas

Aktiviti Membaca Skrip

Email address *

Valid email address

This form is collecting email addresses. Change settings

Aktiviti membaca skrip yang dijalankan menarik. Ya/Tidak *

Short answer text

Apakah yang menarik/yang anda ingat tentang aktiviti baca skrip? *

Short answer text

Apakah yang anda pelajari daripada aktiviti tersebut? *

Short answer text

Sarankan cara-cara aktiviti ini boleh diperbaiki pada masa hadapan. *

Short answer text

Borang ini juga akan dijadikan bahan untuk membuat analisis secara kualitatif bagi memperbaiki pengajaran guru pada masa hadapan. Sebagai tambahan, guru juga telah mengambil kita maklum balas dan saranan daripada

Guru Kanan dan Guru Peneraju yang berpeluang mengikuti sesi pembelajaran yang dijalankan berpendapat bahawa kepakaran ilmu dan maklum balas daripada Guru Kanan dan Guru peneraju dapat menambah nilai kajiannya.

Prosedur Kajian

Bagi tujuan pembelajaran teradun, aktiviti pelajaran telah dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu sesi pertama dan kedua. Sesi pertama dijalankan melalui Pembelajaran di Rumah (HBL) semasa pemutus rantaian jangkitan COVID-19. Sesi kedua pula telah dijalankan di dalam kelas secara bersemuka atau ‘*face to face*’ apabila pelajar kembali ke sekolah.

Pada sesi pertama, guru telah menggunakan aplikasi *Google Meet* sebagai wadah untuk menjalankan pelajaran. Sebelum aktiviti pembacaan skrip bermula, guru telah memberi sedikit penerangan dan membentangkan beberapa peraturan supaya pelajaran dapat berjalan dengan lancar dan dalam keadaan yang selamat dan juga kondusif bagi semua. Contohnya pelajar tidak dibenarkan mencemuh atau mengejek rakan-rakan semasa pembacaan skrip dan perbincangan dijalankan. Bagi sesi pertama guru telah menggunakan skrip drama bertajuk ‘Buta’ sebagai teks pilihan. Selepas pembacaan skrip, para pelajar cuba menilai tahap pencapaian masing-masing dan pencapaian rakan sekelas menggunakan rubrik yang telah disediakan oleh guru. Selepas membuat penilaian, pelajaran telah beralih kepada bahagian perbincangan tentang teks yang telah dibaca.

Pada sesi kedua, para pelajar telah menjalankan aktiviti yang hampir serupa tetapi kali ini perbincangan tentang teks tidak dijalankan dan pelajaran hanya tertumpu kepada aktiviti pembacaan skrip dan penilaian bacaan. Teks yang digunakan pada sesi kedua ini ialah skrip drama bertajuk ‘Kalau Aku Kaya’.

Setelah kedua-dua sesi dijalankan, guru telah memberikan pautan *Google Form* melalui aplikasi *WhatsApp* untuk para pelajar memberikan maklum balas tentang aktiviti pembacaan skrip yang dijalankan.



DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Empat soalan telah diajukan untuk mendapatkan respons daripada para pelajar:

1. Aktiviti membaca skrip yang dijalankan menarik. Ya/Tidak
2. Apakah yang menarik/yang anda ingat tentang aktiviti baca skrip?
3. Apakah yang anda pelajari daripada aktiviti tersebut?
4. Sarankan cara-cara aktiviti ini boleh diperbaik pada masa hadapan.

Setelah dikumpulkan maklum balas daripada *Google Form*, guru mendapati kesemua pelajar memberi maklum balas bahawa aktiviti bacaan skrip yang telah dijalankan ini menarik. Seterusnya, apabila ditanya tentang perkara yang menarik bagi mereka, mereka telah memberikan jawapan berikut:

Pelajar A: Semua orang dapat mengambil bahagian.

Pelajar B: Semua orang dapat mengambil bahagian dalam aktiviti ini dan kami ada perwatakan tersendiri.

Pelajar C: Saya dapat membaca dengan kawan.

Pelajar D: Saya dapat membaca dengan betul.

Pelajar E: Saya boleh membaca skrip menggunakan nada yang sesuai.

Pelajar F: Kami perlu menggunakan intonasi yang betul untuk menyampaikan sesuatu dengan baik.

Pelajar G: Saya lebih berasa yakin semasa membaca.

Pelajar H: Saya mengalami sesuatu yang baru semasa membaca.

Pada bahagian seterusnya, apabila ditanya tentang perkara yang telah dipelajari dan yang bermanfaat bagi mereka, berikut merupakan jawapan yang diberikan:

Pelajar A: Ia menunjukkan komponen mana dalam bacaan yang boleh saya perbaiki.

Pelajar B: Saya dapat memperbaik bacaan skrip saya.

Pelajar C: Membaca skrip dapat membantu saya bertutur dengan lebih jelas.

- Pelajar D: Saya dapat memperbaiki intonasi bacaan saya.
- Pelajar E: Saya dapat membaca skrip drama dan melakonkan watak saya dengan intonasi yang baik.
- Pelajar F: Saya dapat memperbaik intonasi dan kelancaran dalam bacaan saya.
- Pelajar G: Saya dapat mempelajari bagaimana memperbaik bacaan saya.
- Pelajar H: Saya belajar bagaimana untuk melontarkan suara. Saya dapat menunjukkan bakat saya dalam pembacaan skrip. Saya juga dapat menunjukkan kepada rakan sekelas saya bagaimana untuk membaca dengan penuh yakin. Pada masa yang sama, saya juga belajar daripada mereka.

Akhir sekali, apabila diminta memberikan saranan untuk memperbaiki aktiviti pembacaan skrip ini, hanya seorang sahaja pelajar yang menyarankan supaya guru memberikan hadiah bagi pelajar yang mempunyai bacaan skrip yang terbaik sebagai insentif atau ganjaran.

Secara keseluruhannya, maklum balas yang diberikan oleh pelajar menunjukkan bahawa aktiviti pembacaan skrip ini mendapat respons yang positif dan boleh diteruskan pada masa akan datang.

Dari segi pembelajaran teradun dan berdasarkan pengamatan guru, sesi kedua yang dijalankan secara bersemuka tidak begitu berkesan kerana mereka memakai pelitup dan ekspresi mereka semasa mereka membaca skrip tidak begitu jelas. Tambahan, dengan memakai pelitup, lontaran suara mereka tidak begitu jelas. Apatah lagi dengan adanya video kamera yang dipasang untuk tujuan rakaman membuat para pelajar kurang selesa dan mereka kelihatan agak keberatan untuk membaca skrip dengan baik walaupun telah diberikan kriteria kejayaan yang lebih jelas dan tuntas. Selain itu, penjarakan sosial yang masih berkuatkuasa tidak membenarkan mereka berinteraksi secara fizikal dan terpaksa berada sejauh satu meter antara satu sama lain. Maka itu, suasana pembelajaran pada sesi kedua itu agak janggal dan kurang kondusif walaupun ia telah dijalankan dalam bilik yang tertutup dan berhawa dingin.



Namun, guru berpendapat bahawa apa yang baik tentang pelajaran semasa sesi kedua itu ialah kriteria kejayaan telah dapat diterangkan dengan lebih jelas dan pelajar mempunyai masa untuk menilai bacaan sendiri dan juga bacaan rakan-rakan secara lebih berkualitatif kerana bahagian perbincangan telah ditiadakan.

Jumlah sampel bagi kajian tindakan ini hanya terdiri daripada 8 orang pelajar. Adalah disarankan kajian ini dapat diteruskan dengan menggunakan sampel yang lebih besar atau diteruskan dengan pelajar daripada kohort yang akan datang. Aktiviti bacaan skrip ini sesuai bagi semua peringkat kelas dan tidak harus dikhususkan untuk pelajar dari aliran Ekspres dan Normal Akademik. Malah pelajar dari aliran Normal Teknikal juga boleh menjalankan aktiviti pembacaan skrip ini dan akan lebih menarik jika aktiviti pembacaan skrip ini boleh dijalankan dengan profil pelajar yang mempunyai disleksia atau masalah pertuturan untuk melihat keberkesanannya.

Selanjutnya, guru juga telah mendapatkan maklum balas daripada beberapa orang Guru Kanan dan Guru Peneraju semasa satu sesi perkongsian di sekolah. Antara maklum balas positif yang diberikan ialah guru telah mengemas kini kriteria kejayaan untuk memastikan para pelajar lebih jelas tentang penilaian yang perlu dijalankan. Mereka juga mengatakan bahawa ada peningkatan yang nyata dari segi bacaan para pelajar dan penggunaan ICT yang baik dari segi menarik minat serta aplikasi yang digunakan sesuai untuk sesi PdP yang dijalankan.

Antara saranan yang diberikan untuk memperbaiki aktiviti pembelajaran ini pula adalah supaya guru juga memberikan maklum balas pada akhir pelajaran supaya pelajar tahu jika penilaian mereka bertepatan dengan penilaian guru. Ada juga saranan supaya guru memikirkan aktiviti lanjutan untuk menyusuli aktiviti yang telah dijalankan ini untuk melihat sama ada aktiviti pembacaan skrip ini berupaya meningkatkan kemahiran menulis dan kemahiran menjawab soalan kefahaman.

Selain itu, guru-guru juga menyarankan agar aktiviti ini dijadikan sebahagian daripada kurikulum dalam bilik darjah kerana keberkesanannya

dan guru boleh menggunakan kostum dan latar supaya para pelajar dapat lebih menjawai watak mereka dengan lebih baik. Ini satu saranan yang baik dan akan dipertimbangkan kerana baru-baru ini ramai syarikat teater menggunakan latar dan kostum yang berunsur alam maya untuk menghidupkan lagi persembahan mereka dalam talian tanpa bergantung kepada latar dan kostum secara fizikal. Contohnya, Acara Baca Skrip bagi drama *Causeway* karya Alfian Saat yang dibawakan oleh syarikat teater Ekamatra pada masa pemutus rantaian jangkitan COVID-19 telah menggunakan latar dan kostum alam maya dalam talian menerusi sidang Zoom.

Akhir sekali, melakarkan skrip yang khusus bagi setiap kelas bukanlah satu cara yang mutlak. Adalah disarankan bahawa guru boleh menggunakan cerpen atau novel yang sedia ada dan memberikan setiap pelajar satu bahagian yang khusus untuk dibaca secara lantang.

KESIMPULAN

Walaupun kajian ini sedikit sebanyak menunjukkan bahawa bacaan skrip dapat meningkatkan kemahiran membaca para pelajar, ia juga bukanlah satu-satunya pedagogi yang boleh dijalankan bagi mengajarkan kemahiran membaca. Guru harus mencari strategi yang baharu untuk mengajarkan kemahiran membaca khusus sekali yang menggunakan ICT. Ini perlu jika guru ingin terus menarik minat pelajar pada hari ini yang merupakan peribumi digital (*digital natives*).

Kesimpulannya, guru berpendapat bahawa kemahiran membaca haruslah diperkuuhkan terlebih dahulu sebelum mengajarkan kemahiran bahasa yang lain seperti menulis atau bertutur kerana kemahiran membaca ini akan memperkasakan pelajar dengan penguasaan dari segi kosa kata dan struktur ayat dalam bahasa Melayu.



RUJUKAN

- Hattie, John dan Clarke, Shirley, (2018). *Visible Learning Feedback*. Abingdon: Routledge.
- Keenhn, Susan; Harmon, Jane, dan Shoho, Alan (2008). A Study of Readers Theater in Eighth Grade: Issues of Fluency, Comprehension and Vocabulary. *Reading and Writing Quarterly* 24, 335-362.
- Kinniburgh, Leah, dan Shaw Jr., Edward, (2007). Building Reading Fluency in Elementary Science Through Readers' Theatre. *Science Activities* 44, 16-22.
- Young, Chase, dan Ortlieb, Evan, (2018). Implementing Readers Theater in Secondary Classrooms dalam *Reading Psychology* hlm 879 - 897. United Kingdom: Taylor and Francis Group, LLC.